

08/05/2000

Skuad Piala Thomas perlu sokongan padu rakyat: PM

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat di seluruh negara supaya meniupkan semangat dengan memberi sokongan padu kepada barisan skuad Piala Thomas dalam usaha merampas semula piala berprestij itu.

Perdana Menteri berkata, mereka yang berada di ibu negara boleh pergi ke Stadium Putra Bukit Jalil secara beramai-ramai untuk memberi sokongan, manakala yang lain boleh menonton melalui kaca televisyen di rumah masing-masing.

Katanya, yang bertanding hanya beberapa orang dalam kejohanan bermula 11 Rabu ini, tetapi 22 juta rakyat perlu terbabit sama dengan pertandingan itu bagi memastikan pemain berjaya membawa balik Piala Thomas yang kali terakhir dimenangi Malaysia pada 1992.

"Walaupun kita tidak boleh masuk ke dalam gelanggang badminton untuk bermain, penyertaan kita tidak kurang daripada mereka yang menjadi jaguh kita," katanya di upacara Larian Piala Thomas/Uber KL 2000 di Dataran Merdeka, di sini.

Hadir sama Penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein; Presiden BAM, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan dan Pengarah Urusan Gold Bridge, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzil iaitu syarikat yang menganjur kejohanan itu.

Dr Mahathir berkata, rakyat akan mengikuti pertandingan itu di mana saja mereka berada kerana menang atau kalahnya pasukan kebangsaan memberikan banyak makna kepada negara.

"Piala Thomas amat dekat dengan hati rakyat sebagai satu bangsa Malaysia dan kita tidak harus pandang pertandingan ini seperti pertandingan dalam sukan lain kerana pertandingan Piala Thomas mempunyai kesan nasional yang amat kuat," katanya.

Beliau berkata, disebabkan itu beliau mahu lihat seberapa ramai penduduk Malaysia hadir di stadium untuk memberi galakan dan sokongan kepada skuad negara. Mereka yang tidak dapat hadir di stadium juga harus mengikutinya.

"Saya harap yang menyaksikan pertandingan dalam stadium dapat bertepuk sorak kepada pemain negara kerana ini boleh menaikkan semangat mereka.

"Tetapi janganlah mengeluarkan kata-kata kesat terhadap skuad negara sekiranya mereka gagal, sebaliknya kita mesti tolong dan teruskan usaha untuk menang," katanya.

Dr Mahathir juga secara terbuka membuat pengakuan mengenai 'darah gemuruh' yang ada padanya menyebabkan beliau tidak dapat menonton perlawanan Piala Thomas walaupun mempunyai minat terhadap sukan badminton.

"Saya tidak dapat menonton pertandingan ini sebab saya darah gemuruh jika terlalu 'excited' dan bila menyaksikannya saya tidak boleh tahan perasaan sebab itu saya tidak menyaksikannya," katanya.

Biasanya isteri beliau, Dr Siti Hasmah akan memaklumkan kepadanya mengenai keputusan pertandingan.

"Tetapi kadangkala bila dia (Dr Siti Hasmah) lihat saya tidur, dia tidak kejutkan, esok baru tahu keputusan. Saya minta bonda badminton (Dr Siti Hasmah) kejutkan ayahanda (Dr Mahathir) supaya dapat maklumat lebih awal. Kalau kalah, kejutkan lewat sikit tak apa," katanya secara berseloroh.

Walaupun tidak menyaksikan pertandingan itu, Dr Mahathir yakin "21,999,999 rakyat Malaysia yang lain akan menonton dan memberi sokongan."

(END)

